



KENYATAAN MEDIA

PENENTUAN MUKTAMAD PENYIASATAN DUTI ANTI-LAMBAKAN MENGENAI IMPORT PRODUK GULUNGAN SEJUK KELULI ALOI ATAU BUKAN ALOI DENGAN KELEBARAN KURANG DARIPADA 1,300MM (PENGURANGAN SEJUK) TIDAK BERSALUT, TIDAK BERSADUR ATAU TIDAK BERSEPUH (DALAM BENTUK GEGELUNG, KEPINGAN, JALUR, GELUNG ATAU APA-APA BENTUK LAIN) YANG BERASAL ATAU DIEKSPORT DARI JEPUN

Pada 31 Januari 2023, Kerajaan telah memulakan penyiasatan duti anti-lambakan terhadap import produk gulungan sejuk keluli aloi atau bukan aloi dengan kelebaran kurang daripada 1,300mm (pengurangan sejuk) tidak bersalut, tidak bersadur atau tidak bersepuh (dalam bentuk gegelung, kepingan, jalur, gelung atau apa-apa bentuk lain) yang berasal atau dieksport dari Jepun. Penyiasatan duti anti-lambakan ini telah dimulakan berdasarkan petisyen yang difailkan oleh Mycron Steel CRC Sdn. Bhd. bagi pihak industri tempatan. Berdasarkan seksyen 20 Akta Duti Timbal Balas dan Anti-Lambakan 1993, penyiasatan dijalankan oleh Kerajaan untuk menentukan kewujudan, tahap dan kesan daripada aktiviti lambakan.

Selaras dengan Akta Duti Timbal Balas dan Anti-Lambakan 1993 dan Peraturan-Peraturan Duti Timbal Balas dan Anti-Lambakan 1994, Kerajaan telah menyempurnakan penyiasatan ini dan membuat penentuan muktamad bahawa pengenaan duti anti-lambakan ke atas keluli aloi atau bukan aloi gegelung gulungan sejuk yang mempunyai ketebalan antara 0.20mm hingga 2.60mm dan kelebaran antara 700mm hingga 1,300mm tidak termasuk plat hitam kilang timah atau gegelung gulungan sejuk yang diimport bagi maksud penggunaan akhir automotif atau elektrik dan elektronik yang berasal atau dieksport dari Jepun ("dagangan subjek") seperti ketetapan yang berikut:

Pengeluar/Pengeksport Asing	Kadar Duti
i. Nippon Steel Corporation	9.03%
ii. Lain-lain	22.62%

Jabatan Kastam Diraja Malaysia akan menguatkuasakan kutipan duti anti-lambakan bagi tempoh lima (5) tahun, berkuatkuasa 29 September 2023 hingga 28 September 2028. Pengenaan duti anti-lambakan ke atas eksport degangan subjek dari Jepun adalah untuk menangani aktiviti amalan perdagangan yang tidak adil.

Sehubungan dengan itu, Kerajaan telah menamatkan penyiasatan dan mengecualikan daripada pengenaan duti anti-lambakan bagi pengeluar/pengeksport asing dengan margin lambakan *de minimis* iaitu Daido Steel Co., Ltd. dan JFE Steel Corporation.

Pihak berkepentingan seperti pengeluar tempatan, pengimport, pengeluar/pengeksport asing dan persatuan-persatuan berkaitan dengan penyiasatan boleh mendapatkan salinan versi tidak sulit laporan mengenai Penentuan Muktamad dengan membuat permohonan bertulis kepada Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri seperti berikut:

**Pengarah
Seksyen Amalan Perdagangan
Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri
Aras 9, Menara MITI
No. 7, Jalan Sultan Haji Ahmad Shah
50480 Kuala Lumpur
MALAYSIA**

**Nombor Telefon : (603) 6208 4634/4647
Alamat Emel : alltps@miti.gov.my
Maklumat Lanjut : <https://www.miti.gov.my/index.php/pages/view/8405>**

**Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI)
29 September 2023**

Tentang MITI:

MITI adalah pemacu utama dalam menjadikan Malaysia sebagai destinasi pilihan bagi pelaburan berkualiti dan meningkatkan status negara ini sebagai sebuah negara perdagangan yang kompetitif di peringkat global. Objektif dan peranannya adalah berorientasikan ke arah memastikan pembangunan ekonomi yang pesat di Malaysia dan membantu mencapai matlamat yang dinyatakan di negara ini untuk menjadi sebuah negara maju.

Pertanyaan Media:

Unit Komunikasi Strategik MITI

Tel : +603-6200 0082

Faks : +603-6206 4293

E-mel : alluks@miti.gov.my